KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

MyCITES

# MANUAL PENGGUNA
# SISTEM MyCITES

## PERMOHONAN PERMIT
## EKSPORT CITES

Tarikh : 25 November 2025

Hak Cipta © NRES 2025

# ISI KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN .... 3
2.0 CAPAIAN SISTEM .... 4
3.0 LOG MASUK .... 5
4.0 PERMOHONAN PERMIT .... 7
4.1 BUTIRAN PERMIT .... 9
4.2 MAKLUMAT SPESIES .... 10
4.3 PAS PEMINDAH .... 14
4.4 BUTIRAN PEMERIKSAAN .... 16
4.5 DOKUMEN SOKONGAN .... 17
4.6 HANTAR PERMOHONAN .... 18
5.0 SENARAI PERMOHONAN .... 20
6.0 PEMBAYARAN PERMIT .... 22
7.0 SENARAI PERMIT .... 26
8.0 LAPORAN KENDIRI .... 29
9.0 PEMBATALAN PERMIT .... 31

# 1.0 PENGENALAN

1. Sistem MyCITES adalah sistem yang membolehkan pelaksanaan proses pengeluaran permit import dan eksport spesimen di bawah *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora* (CITES) secara atas talian.

2. Terdapat **9 Jabatan (Pihak Berkuasa Pengurusan)** yang terlibat iaitu :

   - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)
   - Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)
   - Jabatan Perikanan Malaysia (DOFM)
   - Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)
   - Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)
   - Jabatan Hidupan Liar Sabah (SWD)
   - Jabatan Perikanan Sabah (DOFS)
   - Jabatan Perhutanan Sabah (SFD)
   - Sarawak Forestry Corporation (SFC)

3. Modul bagi Pengguna yang terdapat dalam sistem ini adalah :

   - Permohonan Permit Import CITES
   - Permohonan Permit Eksport CITES
   - Permohonan Permit Eksport Semula CITES
   - Permohonan Permit Import NON-CITES
   - Permohonan Permit Eksport NON-CITES
   - Permohonan Permit Eksport Semula NON-CITES
   - Pengurusan ID Pengguna

# 2.0 CAPAIAN SISTEM

1. Untuk capaian ke sistem MyCITES, pengguna perlu menaip alamat URL www.mycites.gov.my pada pelayar internet.
2. Skrin akan memaparkan paparan halaman utama Portal MyCITES seperti di Gambarajah 1.




Gambarajah 1

# 3.0 LOG MASUK

1. Sistem hanya membenarkan pengguna yang berdaftar sahaja untuk log masuk. Sila pastikan akaun anda telah berdaftar.

   **Nota:** Bagi pendaftaran akaun, pengguna boleh rujuk manual Pengurusan ID Pengguna.

2. Pada portal MyCITES, pengguna klik pada pautan **'Log Masuk/ Daftar'** seperti di Gambarajah 1 untuk capaian ke Sistem MyCITES. Paparan log masuk sistem adalah seperti di Gambarajah 2.




Gambarajah 2

3. Pengguna boleh log masuk ke dalam sistem menggunakan :

   a) Nombor MyKad / Nombor Pasport
   b) MyDigital ID

4. Bagi log masuk menggunakan **Nombor MyKad / Nombor Pasport**, pengguna perlu memasukkan ID Pengguna dan Kata Laluan seperti yang telah berdaftar, kemudian klik butang Log Masuk seperti di Gambarajah 3.




Gambarajah 3

5. Bagi Log Masuk menggunakan MyDigital ID, pengguna perlu imbas kod QR menggunakan telefon bimbit yang telah berdaftar dengan MyDigital ID seperti di Gambarajah 4.




Gambarajah 4

**Nota:** Sekiranya pengguna menghadapi masalah berkaitan log masuk, sila rujuk manual Pengurusan ID Pengguna.

# 4.0 PERMOHONAN PERMIT

1. Setelah log masuk, sistem akan memaparkan *dashboard* pengguna seperti di Gambarajah 5.




Gambarajah 5

2. Pengguna dikehendaki **mengemas kini maklumat Profil** terlebih dahulu sebelum membuat permohonan permit. Pengguna boleh rujuk manual Pengurusan ID Pengguna.

3. Untuk membuat permohonan permit, klik pada menu **'Permohonan'** dan pilih **'Permohonan Baru'** seperti di Gambarajah 6.




Gambarajah 6

4. Bagi permohonan permit CITES, pengguna perlu memilih **Pihak Berkuasa Pengurusan** yang berkaitan dan klik pada gambar logo jabatan seperti yang dipaparkan pada Gambarajah 7.




Gambarajah 7

5. Pengguna memilih **jenis permit** yang ingin dimohon daripada tiga jenis permit seperti di Gambarajah 8.




Gambarajah 8

6. Pilihan jenis permit adalah seperti berikut:

   a) Import
   b) Eksport
   c) Eksport Semula

7. Pengguna memilih permit **Eksport**. Pengguna mengisi jenis premis dan alamat berdasarkan Gambarajah 8.

   **Nota:** Bagi Jabatan **PERHILITAN**, pengguna perlu mengisi **No. HLT** yang diperolehi daripada sistem e-Permit.

8. Klik butang **'Simpan & Seterusnya'** seperti di Gambarajah 8 untuk meneruskan permohonan.

## 4.1 BUTIRAN PERMIT

1. Sistem memaparkan **‘BORANG EKSPORT CITES’** seperti di Gambarajah 9.




Gambarajah 9

2. Gambarajah 9 menunjukkan pengguna perlu mengisi **Butiran Permit**. Maklumat yang perlu diisi adalah :

   a) Tujuan Urus Niaga
   b) Pejabat Pengeluar

3. Berikut adalah **Butiran Pengimport**. Maklumat yang perlu diisi adalah seperti berikut :

   a) Negara Pengimport
   b) Nama Pengimport
   c) No. Telefon
   d) E-mel
   e) Alamat

   **Nota:** Medan yang bertanda **(*)** adalah **wajib.**

4. Klik butang **‘Simpan’** seperti di Gambarajah 9 untuk simpan maklumat tersebut.

## 4.2 MAKLUMAT SPESIES

1. Seterusnya sistem akan memaparkan *tab* **'SPESIES'** seperti di Gambarajah 10.




Gambarajah 10

2. Terdapat dua kaedah untuk mengisi maklumat spesies iaitu :

   a) Tambah Spesies
   b) Muat Naik Spesies

3. Bagi **kaedah pertama**, klik pada butang **'Tambah Spesies'** bagi menambah maklumat spesies yang ingin di eksport seperti di Gambarajah 11.




Gambarajah 11

4. Maklumat yang perlu diisi adalah seperti berikut :

   a) Spesies
   b) Appendiks
   c) Perihal Spesimen

d) Sumber
e) Keterangan Spesimen
f) Unit
g) Nilai Per Unit (RM)
h) Kuantiti
i) Tarikh Tamat Lesen Perniagaan

**Nota:** Medan yang bertanda **(*)** adalah **wajib.**

5. Bagi spesies yang memerlukan **Nombor Penandaan**, Kuantiti akan mempengaruhi cara pengisian maklumat.

a) Jika Kuantiti adalah **1 hingga 5**, pengguna boleh mengisi maklumat dengan menaip di ruangan No. Penandaan seperti di Gambarajah 12.




Gambarajah 12

b) Jika Kuantiti **lebih daripada 5**, pengguna diminta untuk menggunakan **Templat No. Penandaan** yang telah dimuat turun daripada sistem. Setelah selesai mengisi templat, pengguna perlu muat naik semula pada ruangan seperti di Gambarajah 13.




Gambarajah 13

c) Contoh Templat No. Penandaan adalah seperti di bawah :




Gambarajah 14

**Nota:** Pengguna tidak dibenarkan mengubah templat yang telah disediakan.

6. Klik butang **‘Simpan’** seperti di Gambarajah 11 untuk simpan maklumat Spesies.

7. Klik butang **‘Tutup’** untuk kembali pada senarai Butiran Spesies.

8. Bagi **kaedah kedua**, pengguna dibenarkan untuk **muat naik** maklumat spesies menggunakan format templat yang telah dimuat turun seperti di Gambarajah 15.




Gambarajah 15

**Nota :** Pengguna tidak dibenarkan mengubah templat yang telah disediakan.

9. Klik pada butang **‘Muat Naik Spesies’** seperti di Gambarajah 15.

10. Contoh Templat Spesies CITES adalah seperti di bawah:




Gambarajah 16

11. Setelah selesai, tutup template tersebut dan klik butang **‘Simpan’** seperti di Gambarajah 15 untuk simpan Maklumat Spesies.

12. Klik butang **‘Simpan & Seterusnya’** untuk meneruskan permohohan.

## 4.3 PAS PEMINDAH

1. Bagi permohonan eksport CITES, terdapat jabatan yang memerlukan pas pemindah iaitu :

   a) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)
   b) Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)
   c) Jabatan Perhutanan Sabah (SFD)

   **Nota:** Bagi Jabatan Perhutanan Sabah (SFD), kegunaan pas pemindah adalah mengikut keperluan. Jika tiada keperluan, pengguna tidak perlu mengisi maklumat pas pemindah.

2. Sistem akan memaparkan *tab* **'PAS PEMINDAH'** seperti di Gambarajah 17.




Gambarajah 17

3. Pengguna boleh klik pada butang **'Tambah Pas Pemindah'** bagi menambah maklumat pas pemindah seperti di Gambarajah 18.




Gambarajah 18

**Nota:** Medan yang bertanda **(*)** adalah **wajib.**

4. Maklumat yang perlu diisi adalah seperti berikut:

   a) No. Pas Pemindah
   b) No. Lesen
   c) Negeri Pengeluar
   d) Tarikh Pas Dikeluarkan
   e) Salinan Pas Pemindah

5. Klik butang **‘Simpan’** seperti di Gambarajah 17 untuk simpan maklumat Pas Pemindah.

6. Klik butang **‘Simpan & Seterusnya’** untuk meneruskan permohohan.

## 4.4 BUTIRAN PEMERIKSAAN

1. Sistem akan memaparkan *tab* **'BUTIRAN PEMERIKSAAN'** seperti di Gambarajah 19.




Gambarajah 19

**Nota:** Medan yang bertanda **(*)** adalah **wajib.**

2. Maklumat yang perlu diisi adalah seperti berikut:

   a) Jenis Pengangkutan
   b) Pintu Keluar
   c) Cadangan Tarikh Pemeriksaan
   d) Tempat Pemeriksaan
   e) Cadangan Tarikh Eksport

3. Klik butang **'Simpan'** seperti di Gambarajah 19 untuk simpan maklumat Butiran Pemeriksaan.

4. Klik butang **'Simpan & Seterusnya'** untuk meneruskan permohohan.

## 4.5 DOKUMEN SOKONGAN

1. Sistem akan memaparkan tab **‘DOKUMEN SOKONGAN’** seperti di Gambarajah 20.


DOKUMEN SOKONGAN

FORMAT YANG DIBENARKAN: PDF, JPG, JPEG, PNG
HAD SAIZ: 20MB BAGI SETIAP PERIHAL

| PERIHAL | APPENDIKS | DOKUMEN | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| Borang permohonan lesen/permit * | Tidak Berkenaan | | Muat Naik |
| Salinan invois/proforma invois * | Tidak Berkenaan | | Muat Naik |
| Resit jual beli | Tidak Berkenaan | | Muat Naik |
| Resit jual beli dengan rujukan CITES Malaysia | Tidak Berkenaan | | Muat Naik |
| Salinan buku daftar niaga/ taksidermi yang disahkan | Tidak Berkenaan | | Muat Naik |
| Salinan lesen memburu/mengambil/memungut | Tidak Berkenaan | | Muat Naik |
| Salinan lesen menyimpan | Tidak Berkenaan | | Muat Naik |
| Salinan permit khas mengeksport | Tidak Berkenaan | | Muat Naik |
| Lain-lain | Tidak Berkenaan | | Muat Naik |

SIMPAN SIMPAN & SETERUSNYA

Gambarajah 20

2. Pengguna klik butang **‘Muat Naik’** untuk memuat naik dokumen yang diperlukan.

   **Nota:** Medan yang bertanda **(*)** adalah **wajib.**

3. Klik butang **‘Simpan’** seperti di Gambarajah 20 untuk simpan maklumat Dokumen Sokongan.

4. Klik butang **‘Simpan & Seterusnya’** untuk meneruskan permohohan.

## 4.6 HANTAR PERMOHONAN

1. Sistem akan memaparkan *tab* **'HANTAR PERMOHONAN'** seperti di Gambarajah 21.




Gambarajah 21

2. Tandakan pada ruangan kotak bagi akuan pengguna sebelum hantar permohonan.

   **Nota:** Sila semak dan pastikan semua Status adalah **Lengkap**.

3. Klik butang **'Draf'** seperti di Gambarajah 21 untuk simpan permohonan dan kembali ke '**Senarai Permohonan'**. Mesej seperti di Gambarajah 22 akan dipaparkan.




Gambarajah 22

4. Klik butang **‘Hantar’** seperti di Gambarajah 21 untuk hantar permohonan tersebut bagi tindakan Pegawai Penyemak.

5. Mesej pemberitahuan akan dipaparkan seperti di Gambarajah 23 dan pengguna akan menerima notifikasi e-mel.




Gambarajah 23

6. Pengguna klik butang **‘OK’** untuk paparkan senarai permohonan.

# 5.0 SENARAI PERMOHONAN

1. Pengguna perlu klik pada menu **'Permohonan'** dan pilih **'Senarai Permohonan'**. Sistem akan memaparkan senarai permohonan seperti di Gambarajah 24.




Gambarajah 24

2. Status permohonan yang akan dipaparkan adalah permohonan yang berstatus:

   a) Draf
   b) Permohonan Baru
   c) Proses Semakan
   d) Permohonan Diluluskan
   e) Pembetulan

3. Pengguna boleh membuat tindakan bagi setiap permohonan yang telah dibuat. Tindakan yang dibenarkan adalah berdasarkan status permohonan tersebut seperti di Gambarajah 25 dan Jadual 1.




Gambarajah 25

| Status | Tindakan |
|---|---|
| Permohonan Baru | Lihat dan Hapus |
| Proses Semakan | Lihat |
| Permohonan Diluluskan | Lihat |
| Pembetulan | Kemas Kini |
| Draf | Kemas Kini dan Hapus |

Jadual 1

4. Pengguna boleh klik pada **No. Rujukan** untuk melihat **Log Permohonan** seperti di Gambarajah 26.




Gambarajah 26

5. Log permohonan akan dipaparkan seperti di Gambarajah 27.




Gambarajah 27

# 6.0 PEMBAYARAN PERMIT

1. Pengguna boleh melakukan proses pembayaran bagi permohonan yang telah diluluskan pada Senarai Permohonan seperti di Gambarajah 28.




Gambarajah 28

2. Klik pada menu **'Permohonan'** kemudian klik pada **'Senarai Pembayaran'** seperti di Gambarajah 29.




Gambarajah 29

3. Sebelum melakukan proses pembayaran, pengguna boleh melihat draf permit terlebih dahulu bagi permohonan yang telah dibuat. Klik **'Lihat Permit'** seperti di Gambarajah 29.

4. Paparan **‘For View Only’** akan terpapar pada draf permit seperti di Gambarajah 30.




Gambarajah 30

5. Untuk melakukan pembayaran, pengguna klik pada butang ‘ ’ di bawah Tindakan dan pilih **‘Bayar’** seperti di Gambarajah 29.

6. Paparan skrin pembayaran adalah seperti di Gambarajah 31. Pengguna akan melihat ringkasan maklumat permohonan dan jumlah keseluruhan permit yang perlu dibayar.




Gambarajah 31

7. Pengguna memilih **cara pembayaran** yang ingin dilakukan seperti di Gambarajah 32 iaitu :

   a) **Individu Kepada Kerajaan (C2G)** adalah menggunakan akaun peribadi pengguna.

   b) **Perniagaan Kepada Kerajaan (B2G)** adalah menggunakan akaun syarikat.




Gambarajah 32

8. Seterusnya pengguna memilih bank yang ingin digunakan dan klik butang **'Teruskan'** jika ingin meneruskan pembayaran.

9. Klik butang **'Batal'** jika pengguna ingin batalkan pembayaran.

10. Setelah selesai proses pembayaran, skrin **FPX** akan dipaparkan seperti di Gambarajah 33.




Gambarajah 33

11. Sistem akan memaparkan resit pembayaran dan pengguna akan menerima notifikasi e-mel sekiranya pembayaran berjaya.

12. Pengguna klik butang **‘Cetak’** untuk mencetak resit. Paparan resit adalah seperti di Gambarajah 34.



**KERAJAAN MALAYSIA**
*(GOVERNMENT OF MALAYSIA)*

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**
*(MINISTRY OF NATURAL RESOURCES AND ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY)*

**RESIT RASMI**
*(OFFICIAL RECEIPT)*

**SALINAN**
*(COPY)*

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Diterima Daripada** *(Received From)* | : AESPA SDN BHD | **No. Resit** *(Receipt No.)* | : MYCITES2025A0500001 |
| **No.Kad Pengenalan/ No. Pasport/ No. Pendaftaran Syarikat** *(Identification Card No./ Passport No./ Company Registration No.)* | : XTRAORDINARY-2012 | **Tarikh/ Masa Bayaran** *(Date/ Time of Payment)* | : 05/11/2025 03:37:38 PM |
| | | **Kaedah Bayaran** *(Payment Method)* | : EFT |
| **Alamat** *(Address)* | : LOT 23, JALAN CHEPOR INDAH 33, LUMUT, 25673, Perak, Malaysia | **Bank** *(Bank)* | : SBI Bank A |
| **E-mel** *(Email)* | : aespa_com@yopmail.com | **No. Ruj. Bayaran** *(Payment Ref. No.)* | : 251105153740249 |
| **No. Rujukan Permohonan** *(Application Reference No.)* | : A05/20251105-00009 | **Warganegara** *(Nationality)* | : Bukan Warganegara Malaysia |

| Bil. (No.) | Keterangan Bayaran (Payment details) | Kod Akaun (Account Code) | Kuantiti (Quantity) | Jumlah Seunit (Unit amount) (RM) | Jumlah (Amount) (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | **Bayaran Fi Permohonan Permit Import dan Eksport CITES** *(CITES Import Export Permit Application Fee Payment)* **No. Permit :** *(Permit No.)* MYJPSM(W)2025/00001 | H0171999 | 1 | 50.00 | 50.00 |
| | | Jumlah *(Total)* | 1 | 50.00 | 50.00 |

SALINAN

**Ringgit Malaysia** *(Malaysia Ringgit)* : **Lima puluh sahaja** *(Fifty only)*

**Pihak Berkuasa Pengurusan / Kod PTJ** *(Management Authority / PTJ Code)* : **Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) / 32110101** *(Forestry Department of Peninsular Malaysia (JPSM) / 32110101)*

***Ini adalah cetakan komputer dan tidak perlu ditandatangani***
*(This is a computer generated and no signature is required)*

**Resit ini dijana oleh Sistem Permit CITES (MyCITES)**
*(This receipt is generated by the CITES Permit System (MyCITES))*

**No. Kelulusan Perbendaharaan : MOF.600-2/9/2 JLD.9 (4)**
*(Treasury Approval No.)*

Gambarajah 34

13. Pengguna klik pada butang **‘Teruskan’** untuk ke Senarai Permit.

# 7.0 SENARAI PERMIT

1. Pengguna boleh melihat senarai permit seperti di Gambarajah 35. Klik menu **'Permohonan'** dan pilih **'Senarai Permit'**.




Gambarajah 35

2. Pengguna klik pada **No. Rujukan** seperti di Gambarajah 36 untuk melihat maklumat permohonan yang telah diisi sebelum ini.




Gambarajah 36

3. Terdapat dua cara untuk melihat permit iaitu dengan klik pada **'No. Permit'** atau klik pada  di bawah Tindakan, kemudian pilih **'Cetak Permit'** seperti di Gambarajah 37.




Gambarajah 37

4. Paparan Permit NON-CITES adalah seperti di Gambarajah 38.




Gambarajah 38

5. Status yang akan dipaparkan pada Senarai Permit adalah seperti di Jadual 2.

| **Status** | **Tindakan** | **Catatan** |
|---|---|---|
| Aktif | Cetak Permit, Cetak Resit, Batal Permit | Permit aktif dan boleh digunakan untuk tujuan transaksi |
| Telah Digunakan | Lihat Permit, Lihat Laporan Kendiri | Permit telah digunakan dan tidak boleh digunakan semula |
| Semakan Pembatalan | Lihat Permit | Pengguna telah memohon pembatalan, status ini dipaparkan sementara menunggu semakan. |
| Proses Pembatalan | Lihat Permit | Permohonan pembatalan sedang dalam proses semakan oleh pegawai. |
| Dibatalkan | Lihat Permit, Lihat Maklumat Pembatalan | Permit telah dibatalkan dan tidak lagi sah digunakan. |

Jadual 2

# 8.0 LAPORAN KENDIRI

1. Bagi laporan kendiri, terdapat jabatan yang memerlukan pengguna mengemukakan laporan kendiri setelah spesies atau spesimen berjaya dibawa keluar atau masuk. Antara jabatan yang terlibat adalah seperti berikut:

   a) Jabatan Perikanan Malaysia (DOFM)
   b) Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)
   c) Jabatan Pertanian (DOA)
   d) Jabatan Perhutanan Sabah (SFD)
   e) Sarawak Forestry Corporation (SFC)

2. Pengguna perlu melakukan laporan kendiri di **Senarai Permit**. Pada ruangan tindakan, pengguna pilih **'Laporan Kendiri'** seperti di Gambarajah 39.




Gambarajah 39

3. Skrin Laporan Kendiri akan dipaparkan seperti di Gambarajah 40.




Gambarajah 40

4. Maklumat yang perlu diisi adalah:

    a) No. Permit MAQIS atau No. Borang Kastam (K1,K2)
    b) Salinan Permit CITES yang disahkan
    c) Dokumen Sokongan
    d) Pejabat Pengeluar
    e) Pintu Keluar
    f) Kuantiti Sebenar

5. Setelah selesai, pengguna klik butang **‘Hantar’**. Mesej seperti Gambarajah 41 akan dipaparkan.




Gambarajah 41

6. Status pada Senarai Permit bertukar dari **‘Aktif’** kepada **‘Proses Pengesahan’** seperti di Gambarajah 42.




Gambarajah 42

7. Setelah selesai semakan oleh pegawai, status permit bertukar dari **‘Proses Pengesahan**’ kepada **‘Telah Digunakan’**.

# 9.0 PEMBATALAN PERMIT

1. Pengguna dibenarkan untuk membatalkan permit. Tandakan pada kotak untuk memilih permit yang ingin dibatalkan dan klik **'Batal Permit'** seperti di Gambarajah 43.




Gambarajah 43

2. Skrin **Permohonan Batal Permit** akan dipaparkan seperti Gambarajah 44.




Gambarajah 44

3. Maklumat yang perlu diisi adalah:

   a) Sebab Batal Permit
   b) Ulasan

4. Klik butang **'Kembali'** untuk kembali ke **Senarai Permit**.

5. Pengguna klik butang **'Hantar'** untuk menghantar permohonan batal permit. Mesej seperti di Gambarajah 45 akan dipaparkan dan notifikasi e-mel akan diterima.




Gambarajah 45

6. Status pada Senarai Permit akan bertukar dari **'Aktif'** kepada **'Semakan Pembatalan'** seperti di Gambarajah 46.




Gambarajah 46

**Nota:** Jika permit telah dibatalkan, permit tidak sah lagi untuk digunakan.

**- TAMAT -**